

15 September 2016

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan RSPO Bagi Kulim (Malaysia) Berhad, Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang – Kota Tinggi, Johor, Malaysia

Kulim (Malaysia) Berhad (RSPO Membership No: 1-0006-04-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian utama persijilan RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 6 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Kota Tinggi, Johor, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan utama Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang pada 25 hingga 27 Oktober 2016. Penilaian utama akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014 dan RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills: 21 November 2014. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang dan Ladang – Ladang	
Nama kilang	Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang
Kapasiti Kilang (mt/jam)	45
Lokasi	Kota Tinggi, Johor, Malaysia
Alamat	K.B. 527 81909 Kota Tinggi, Johor, Malaysia
Rujukan GPS	103° 56' 54.8736" E ; 2° 1' 4.8504" N
Pengeluaran CPO (Anggaran 2016) (MT)	50,468 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2016) (MT)	12,500 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2016) (MT)	231,478 mt

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Anggaran Pengeluaran FFB (MT)
Tunjuk Laut	103° 59' 9.5208" E ; 1° 57' 41.6916" N	1,502.73	1,169.82	2,903.30	30,334
Pasir Panjang	103° 57' 15.9372" E ; 2° 0' 34.7616" N	671.66	776.75	1,609.86	16,324
Bukit Payung	103° 55' 12.558" E ; 2° 0' 26.5572" N	963.22	957.19	2,311.55	20,987
Pasir Logok*	104° 2' 20.3532" E ; 2° 1' 53.3856" N	1,993.51	0	4,199.42	47,995
Bukit Kelompok*	103° 59' 54.3984" E ; 2° 0' 24.3108" N	1,832.85	604.91		40,136
Siang	104° 12' 40.2372" E ; 1° 39' 10.1556" N	3,205.92	0	3,442.92	75,702
TOTAL		10,169.89	3,508.67	14,467.05	231,478

*kedua-dua ladang berkongsi geran pemilikan yang sama

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

En. Hoo Boon Han sebagai Ketua Juruaudit (Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, HCV, Aspek Undang-Undang dan Alam Sekitar); **En. Mohd Hafiz Mat Hussain** sebagai Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang dan Kilang Kelapa Sawit & Keselamatan dan Kesihatan Pekerja); **Pn. Hu Ning Shing** sebagai juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim RSPO

Mr. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU**Auditee:**

Mrs. Salasah Elias
Deputy General Manager System and Sustainability
Kulim (Malaysia) Berhad
K.B. 705
80990 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Fax : + 07-8631084 / 07-8611194
Email : salasah@kulim.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim RSPO